

## Pelaburan Asing dan Pencapaian Pembangunan Seimbang di NCER: Satu Ulasan Kritis

Foreign Investment and Achievement of Balanced Development in NCER: A Critical Review

NOORIAH YUSOF, NORAIN MAT LAZIM & SHARIFAH ROHAYAH SHEIKH DAWOOD

### ABSTRAK

*Dasar Malaysia sejak strategi perindustrian diperkenalkan sentiasa mengalu-alukan pelaburan dalam sektor perindustrian pembuatan terutamanya pelaburan asing. Selepas lebih tiga dekad industrialisasi, ternyata Malaysia telah menjadi antara destinasi pelaburan utama dunia untuk operasi pengeluaran persisir pantai. Modal asing terus menjadi komponen penting dalam strategi pembangunan dalam membantu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan wilayah di negara ini. Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) merupakan satu insentif kerajaan untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pendapatan di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia yang merangkumi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak. Program pembangunan di NCER adalah untuk membantu wilayah ini memaksimumkan kelebihan dan potensi ekonomi serta mengurangkan jurang pendapatan di antara negeri. Sektor perindustrian pembuatan yang ternyata telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan pelaburan asing merupakan penyumbang utama kepada perkembangan sektor industri pembuatan khususnya sub-sektor Barangan Elektrik dan Elektronik (BEE). Artikel ini membincangkan secara kritis pola pelaburan dalam sektor perindustrian pembuatan di NCER berdasarkan kepada data pelaburan yang diperoleh daripada MIDA. Perbincangan tertumpu kepada menilai peranan pelaburan asing dalam sektor pembuatan di NCER dan prospek pencapaian pembangunan yang lebih seimbang antara negeri di wilayah utara ini. Hasil analisis data pelaburan mendapati wujudnya beberapa ciri konsentrasi pelaburan asing dalam sub-sektor industri dan lokasi pelaburan tertentu yang mana ciri konsentrasi ini boleh meningkatkan lagi jurang pembangunan berbanding membawa kesan pembangunan yang lebih seimbang antara negeri di wilayah ini. Oleh itu, untuk mencapai objektif pembangunan yang lebih seimbang di NCER, pergantungan terhadap pelaburan asing perlu dinilai semula dan pada masa yang sama peranan pelaburan domestik yang berimpak tinggi khususnya di wilayah pinggir perlu digalakkan.*

*Kata kunci: Pelaburan asing; sektor perindustrian; NCER; analisis data sekunder; keseimbangan pembangunan*

### ABSTRACT

*After more than three decades since industrialization, Malaysia has proved a viable investment location for offshore production operations, partly because of the emphasis on foreign direct investment, especially in the manufacturing sector, in Malaysian economic policy. The Northern Corridor Economic Region (NCER) is a government initiative for accelerating economic growth and elevating income levels in northern Peninsular Malaysia, encompassing the states of Perlis, Kedah, Pulau Pinang and northern Perak. The development program in NCER is aimed at assisting the region to maximize its economic advantages and potentials, and decrease income gaps between the states. The manufacturing industry sector has proved an important player in economic development, particularly the sub-sectors of Electrical and Electronics (E & E). This article will critically discuss the investment pattern of manufacturing industry in the NCER based on investment data retrieved from MIDA. Discussion revolves around the role of foreign investment in the manufacturing sector of the NCER and the prospect of achieving the developmental agenda of balance between the afore-mentioned states. The findings from the investment data analysis show that, in order to achieve the objective of balanced NCER development, reliance on foreign investment will need to be reassessed and, at the same time, high impact domestic investment in the lagging regions has to be encouraged.*

*Keywords: Foreign investment; industrial sector; NCER; secondary data analysis; balanced development*

### PENGENALAN

Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) merupakan satu insentif kerajaan untuk menggalakkan pembangunan yang seimbang dalam kalangan negeri-negeri yang

terletak dalam wilayah ini dan pada masa yang sama untuk meningkatkan aktiviti bernilai tinggi ekonomi berasaskan pengetahuan. Dengan lain perkataan, matlamat utama NCER adalah pertumbuhan dengan keadilan sosial (*growth with social equity*). Melalui

NCER, kerajaan berharap dapat memesatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap pendapatan penduduk di wilayah utara Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak utara. Strategi pembangunan yang dirangka di bawah NCER bermula pada tahun 2007 sehingga akhir Rancangan Malaysia ke-12 iaitu sehingga tahun 2025. Kejayaan NCER dalam mencapai matlamat pembangunan seperti yang diinginkan sebenarnya masih terlalu awal untuk dinilai kerana NCER masih berada pada fasa pertama (2007-2012). Namun demikian, beberapa penilaian awal masih boleh diketengahkan dalam menilai prestasi NCER berdasarkan kepada data statistik dan petunjuk pembangunan setiap negeri dalam meramalkan potensi pencapaian matlamat pembangunan di NCER. Kertas kerja ini akan membincangkan pola pelaburan dalam sektor perindustrian pembuatan yang memainkan peranan penting sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi di wilayah utara ini. Penilaian terhadap potensi pencapaian objektif pembangunan yang seimbang akan dibuat berdasarkan kepada data statistik pelaburan yang diperolehi daripada MIDA bagi tempoh sebelum NCER (1999-2006) dan selepas NCER dilancarkan (2007-2011). Perbincangan akan berfokus kepada menilai kesan ruangan pelaburan dan pembangunan industri di NCER serta implikasinya terhadap pencapaian objektif pembangunan yang seimbang dalam kalangan negeri di wilayah ini.

#### KORIDOR EKONOMI WILAYAH UTARA (NCER), PELABURAN LANGSUNG ASING (PLA) DAN PEMBANGUNAN WILAYAH DI MALAYSIA

Visi pembangunan NCER adalah untuk menjadikan negeri-negeri di wilayah utara ini sebagai wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025 yang memiliki kelebihan yang tinggi dalam beberapa aktiviti ekonomi penting seperti industri Elektrik dan Elektronik (E & E), pertanian, pelancongan dan bioteknologi. Dalam usaha mencapai status ini, NCER perlu menyediakan persekitaran yang kondusif sebagai destinasi pelaburan kepada perniagaan antarabangsa dan tempatan.

Jadual 1 menunjukkan sasaran KPI (Key Performance Indicators) NCER bagi tiga fasa pembangunannya. Menjelang tahun 2012, pelaburan di NCER disasarkan mencapai RM24.3 bilion dengan 30% pekerja sektor pembuatan dalam pekerjaan bernilai tinggi. Sasaran ini dipertingkatkan bagi tempoh kedua dan ketiga fasa pembangunan NCER dalam usaha untuk menjadikan negeri-negeri di NCER sebagai negeri berpendapatan tinggi. Namun didapati pembangunan dalam kalangan negeri di NCER tidak menunjukkan pola pembangunan yang samarata serta wujudnya jurang pembangunan bandar-luar bandar yang ketara.

JADUAL 1. KPI Sektor Pembuatan di NCER

KPI	2005	Sasaran 2012	Sasaran 2020	Sasaran 2025
Pelaburan dalam Pembuatan (setiap tahun)	RM15.6 bilion	RM24.3 bilion	RM43.5 bilion	RM62.2 bilion
Tenaga Kerja Pembuatan dalam pekerjaan nilai tinggi ( <i>high value added areas</i> )	< 20%	30%	36%	40%
Nilai Ditambah Pembuatan (MVA)	15% (BEE sahaja)	30%	42%	45%

Sumber: NCER 2007

Masalah jurang pembangunan antara bandar-luar bandar di wilayah NCER menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi utama yang berbeza di antara kedua-dua kawasan tersebut merupakan penyebab utama kepada pola pembangunan yang tidak seimbang ini. Di kawasan luar bandar, aktiviti pertanian yang bernilai rendah dan dijalankan secara tradisional masih mendominasi dan menjadi aktiviti utama. Sementara di kawasan bandar, aktiviti pembuatan dan perkhidmatan bernilai tinggi telah menjadi aktiviti ekonomi yang penting. Impak pembangunan yang dibawa oleh aktiviti ekonomi moden (industri dan perkhidmatan) turut memberi kesan terhadap upah dan pola pekerjaan yang berbeza di antara kawasan dan ini turut menjelaskan tahap pembangunan yang masih rendah di kawasan luar bandar. Selain itu,

kekangan dari segi peluang-peluang untuk pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar juga turut menggalakkan migrasi luar bandar ke bandar yang boleh menjejaskan kesediaan sumber tenaga buruh di kawasan luar bandar. Migrasi ini juga boleh memberi kesan terhadap limpahan balik pembangunan ke kawasan bandar dan meningkatkan lagi jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar.

Sektor pembuatan telah diakui sebagai sektor ekonomi utama sejak negara mencapai kemerdekaan. Ketidakupayaan sektor pertanian untuk menampung pertambahan guna tenaga dan keadaan permintaan pasaran luar negara yang tidak menentu menyebabkan strategi perindustrian diperkenalkan bagi meningkatkan prestasi ekonomi negara. Pengalaman negara industri maju dan

Negara Perindustrian Baru telah menunjukkan keupayaan sektor industri pembuatan untuk meningkatkan ekonomi negara dan proses yang sama ini sudah tentu boleh meletakkan ekonomi wilayah membangun dan mundur di trajektori pembangunan yang lebih memuaskan. Oleh yang demikian, di bawah strategi pembangunan NCER sektor pembuatan telah diberikan perhatian tinggi sebagai pemacu utama pertumbuhan di NCER. Ini adalah kerana sektor ini telah berupaya untuk memberi kesan pembangunan yang positif dari segi sumbangan kepada KDNK dan juga peluang pekerjaan. Oleh itu, diharapkan melalui inisiatif pembangunan NCER ini akan dapat membantu negeri yang mundur untuk membangun dan seterusnya mengurangkan jurang pembangunan di wilayah utara.

Kemunculan sektor industri moden di Malaysia berkait rapat dengan kemasukan Pelaburan Langsung Asing (PLA). Penyertaan modal asing dalam sektor perindustrian pembuatan semakin penting sejak pengenalan Ordinan Industri Perintis pada tahun 1958, Akta Galakan Pelaburan 1968 dan Akta Zon Perdagangan Bebas pada tahun 1971. Daya tarikan Akta Galakan Pelaburan dan Zon Perdagangan Bebas amat meluas, di samping dasar kerajaan dan suasana politik yang stabil dan infrastruktur yang baik telah menarik pelaburan asing secara besar-besaran sejak penghujung dekad 1980an (Anuar & Rasiah 1996). Pelaburan asing mula menunjukkan peningkatan sejak akhir tahun 1980-an dan terus mendominasi sektor perindustrian pembuatan di Malaysia. Namun demikian, aktiviti pembuatan ini tidak tersebar secara sama rata dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia walaupun strategi penyebaran industri telah diperkenalkan sejak akhir tahun 1960-an lagi melalui pengenalan Akta Galakan Lokasi (1973) bagi menggalakkan pembinaan industri di kawasan kurang maju dan pinggir bandar. Selain itu, insentif pelepasan cukai yang ditawarkan di bawah Ordinan Industri Perintis 1958, pembinaan estet-estet perindustrian dan zon perdagangan bebas dikatakan mempunyai kesan diskriminasi ruangan terhadap penyebaran aktiviti pembuatan (Noorah & Tarmiji 2009). Perkembangan lebih tiga dekad sektor industri di negara ini turut menunjukkan bahawa industri BEE merupakan sektor penjana utama yang telah memberi kelebihan kepada beberapa wilayah di negara ini. Kewujudan banyak pengeluar elektronik di Pulau Pinang dan Lembah Klang telah menjadikan negeri ini sebagai nukleus kepada operasi industri elektronik di wilayah utara dan tengah (Noorah 2006).

Sememangnya tidak dinafikan peranan yang boleh dimainkan oleh pelaburan asing dalam membantu pembangunan ekonomi di sesebuah negara. Terdapat banyak kajian berkaitan kesan dan manfaat pelaburan asing terhadap negara penerima pelaburan khususnya dalam kalangan negara membangun yang sangat aktif

mempromosi dan menggalakkan pelaburan asing untuk menanam modal di negara masing-masing. Ini adalah kerana banyak negara beranggapan bahawa pelaburan asing mampu untuk membawa banyak kesan positif terhadap pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Menurut Florida (1996), pada tahap wilayah, pelaburan asing dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan penstrukturan semula ekonomi wilayah secara keseluruhannya melalui peningkatan dalam persaingan dan pemindahan bentuk organisasi pengeluaran yang baru. Walaupun demikian, pelaburan asing juga boleh membawa kepada kesan yang tidak diinginkan seperti ketidaksamaan yang semakin meningkat antara individu atau kumpulan individu dalam masyarakat, ketidaksamaan pembangunan antara wilayah, menghakis keupayaan tempatan serta kesan terhadap buruh dan alam sekitar. Kajian oleh Schneider (2005) misalnya mendapati tidak wujud saling hubungan di antara PTA dengan pembangunan di negara membangun.

Oleh yang demikian, walaupun Pulau Pinang telah mencatat banyak kejayaan khususnya dari segi pembangunan industri BEE di Malaysia namun perkembangan industri di negeri ini masih memperlihatkan beberapa kelemahan khususnya dari segi gred industri yang masih rendah dan juga kesan sebaran ke wilayah pinggir yang terhad. Menurut Head, Ries dan Swenson (1995), firma dalam industri yang sama lazimnya cenderung untuk berkelompok dari segi geografi kerana kehampiran geografi boleh membawa faedah ekonomi luar yang positif. Pada amnya PLA lebih tertarik ke lokasi yang mempunyai pengelompokan ekonomi sedia ada atau telah maju bagi mendapatkan faedah ekonomi luaran seperti pasaran, kesediaan sumber buruh berkecukupan, pembekal, infrastruktur institusi dan juga persekitaran inovatif (UNCTAD 2001). Ini menjelaskan bagaimana PLA menyumbang kepada pembangunan dan polarisasi wilayah yang tidak seimbang yang mana negeri atau wilayah yang lebih maju dapat menarik aliran masuk pelaburan yang lebih banyak berbanding dengan wilayah pinggir. Kajian oleh Paulinek (2004) mendapati walaupun PLA memainkan peranan penting dalam pembangunan wilayah di Eropah Tengah namun didapati kesan pembangunan yang dibawa oleh PLA adalah sangat tidak sama rata dari segi sektoral dan juga geografi. Kes di Malaysia juga menunjukkan ciri yang sama iaitu konsentrasi PLA yang sangat jelas berdasarkan sektor industri dan lokasi pelaburan. Penumpuan ruangan PLA turut memberi kesan terhadap ketidakseimbangan pembangunan antara negeri di negara ini. Begitu juga dengan negeri-negeri di NCER yang memperlihatkan dominasi Pulau Pinang dalam aktiviti pembuatan khususnya industri BEE. Perbincangan lanjut pola pelaburan dalam aktiviti pembuatan akan dibincangkan dalam sub-bab seterusnya.

## OBJEKTIF, METODOLOGI DAN SKOP PERBINCANGAN

Perbincangan dalam artikel ini berfokus kepada menilai peranan PLA dalam menyumbang kepada pembangunan wilayah khususnya di NCER. PLA telah menjadi mekanisme penting dalam strategi pembangunan wilayah di negara ini sejak Akta Galakan Pelaburan diperkenalkan. Sehingga kini, dasar dan strategi pembangunan wilayah yang berasaskan kepada sektor industri terus memberi tumpuan yang tinggi dalam menarik PLA sebagai pemangkin utama pertumbuhan ekonomi wilayah. Oleh yang demikian, secara ringkasnya objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Untuk mengetahui kepentingan dan peranan PLA dalam pembangunan koridor ekonomi di NCER;
2. Untuk menganalisis pola dan trend PLA dari segi sub-sektor industri, hak milik dan taburan geografi di NCER; dan
3. Untuk menilai secara kritis impak dan sumbangan PLA dalam pencapaian objektif pembangunan seimbang di NCER

Memandangkan fokus utama adalah terhadap PLA, maka kajian ini telah menggunakan pendekatan analisis data sekunder iaitu data pelaburan yang diperoleh daripada MIDA. Pendekatan analisis data sekunder telah diakui sebagai satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengupas persoalan kajian sejak lebih daripada satu abad (Sales et al. 2006). Kebanyakan kajian yang melibatkan PLA menggunakan kaedah ini dalam membuat analisis dan mengupas isu kajian sama ada sebagai sumber utama atau sumber kedua, contohnya kajian oleh Tyler & Miranda (2007) berkaitan PLA di China dan Ranjan & Agrawal (2011) kajian berkaitan penentu aliran masuk pelaburan di negara BRIC (Brazil, Russia, India dan China). Faktor utama penggunaan data sekunder dalam kebanyakan kajian berkaitan PLA adalah kerana ianya melibatkan analisis data bagi tempoh masa yang panjang (data *time-series*). Data begini lazimnya hanya mampu dikumpul oleh agensi kerajaan yang mempunyai keupayaan untuk akses kepada data tersebut (dari segi kapasiti dan sumber). Penggunaan data sekunder juga disebabkan ianya lebih mudah diperolehi dan tidak melibatkan masa yang panjang untuk mengumpul data yang diperlukan, data yang direkodkan juga berkualiti dan seragam serta tahap kebolehpercayaan yang tinggi kerana data diperolehi daripada sumber yang berwibawa. Selaras dengan isu perbincangan dalam artikel ini, analisis data sekunder yang diperolehi daripada agensi kerajaan (MIDA) merupakan satu-satunya sumber yang tersedia ada untuk kegunaan penyelidik dalam menjawab persoalan yang dibangkitkan. Tempoh masa (data) dan jenis data yang dirujuk dan dianalisis memainkan peranan penting dalam menonjolkan kepentingan data sekunder ini dalam mengukuhkan perbincangan dan hujahan yang dibuat dalam artikel ini.

Data pelaburan yang dirujuk dalam artikel ini adalah data khusus pelaburan di NCER yang diperolehi melalui permohonan rasmi penyelidik kerana data ini merupakan data yang tidak diterbitkan. Data siri masa pelaburan di NCER berdasarkan sub-sektor industri, hak milik dan lokasi pelaburan (negeri) disediakan atas permintaan penyelidik. Data mentah yang diperolehi daripada MIDA dianalisis dan ditunjukkan dalam bentuk graf agar perbandingan yang lebih jelas dapat dibuat dalam melihat pola dan trend pelaburan di NCER mengikut negeri, sub-sektor industri dan juga hak milik pelaburan. Perbincangan dikukuhkan lagi dengan sumber data ekonomi yang lain dalam menilai sumbangan dan peranan PLA dalam pembangunan ekonomi wilayah dan seterusnya pembangunan ruang yang lebih seimbang dalam wilayah utara ini. Artikel ini hanya akan berfokus dalam membincangkan impak PLA dan pencapaian objektif pembangunan yang lebih seimbang di NCER sahaja tanpa membuat sebarang perbandingan dengan koridor ekonomi yang lain kerana masalah data pelaburan yang terhad. Walaupun demikian, pola pembangunan industri di wilayah utara ini sebenarnya boleh menggambarkan pola pembangunan yang sama pada peringkat nasional (Malaysia 2006). Oleh itu, perbincangan dalam artikel ini juga akan dapat meningkatkan pemahaman berkaitan dengan peranan dan sumbangan PLA yang menjadi mekanisme penting dalam strategi pembangunan wilayah di negara ini.

## POLA PELABURAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI DI NCER


Sejak strategi perindustrian berorientasikan eksport diperkenalkan, Pelaburan Langsung Asing (PLA) telah dikenal pasti sebagai mekanisme penting dalam pembangunan industri di negara ini. Dalam usaha untuk menarik pelabur asing, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif kewangan dan bukan kewangan serta aspek kawalan yang lebih liberal sebagai dorongan untuk pelabur asing menempatkan aktiviti pengeluaran mereka di negara ini. Penyertaan modal asing dalam sektor perindustrian pembuatan semakin penting sejak pengenalan Ordinan Industri Perintis pada tahun 1958, diikuti oleh Akta Galakan Pelaburan 1968 dan Akta Zon Perdagangan Bebas pada tahun 1971. Dasar Malaysia sejak strategi perindustrian diperkenalkan sentiasa mengalu-alukan pelaburan dalam sektor perindustrian pembuatan terutamanya pelaburan asing (Anuar & Rasiah 1996; Noorah & Tarmiji 2009; Rasiah & Best 2003; Noorah 2011 & 2012). Malaysia menawarkan peluang pelaburan yang luas kepada pelabur dalam pelbagai sub-sektor industri. Selepas lebih daripada 3 dekad industrialisasi di Malaysia, ternyata Malaysia telah menjadi antara destinasi pelaburan utama dunia untuk operasi pengeluaran pesisir pantai. Malaysia telah berjaya



menarik hampir 5,000 syarikat asing daripada lebih 40 buah negara untuk menubuhkan operasi mereka di sini.


Di wilayah utara, kedudukan Pulau Pinang dalam peta penempatan aktiviti pesisir pantai syarikat multinasional asing sememangnya sangat jelas. Malahan negeri ini telah membina reputasi yang tinggi sebagai hab kepada pelaburan dalam aktiviti pemasangan dan pengujian besar-besaran (Noorah 2010; Rasiah & Best 2003). Sementara di Negeri Kedah, peranan Taman Teknologi Tinggi Kulim sangat jelas dalam menarik sebahagian besar pelaburan dalam sektor pembuatan khususnya BEE di negeri ini. Taman Teknologi Tinggi Kulim ternyata memiliki beberapa kelebihan dan daya tarikan kepada syarikat multinasional asing (Norain & Noorah 2012). Negeri Perlis pula ternyata kurang berjaya menarik pelaburan dalam sektor pembuatan khususnya BEE untuk menempatkan aktiviti mereka di negeri ini. Sejak lebih tiga dekad pelaburan asing di negara ini, Perlis ternyata hanya mampu menarik tidak sampai 0.5% daripada keseluruhan pelaburan yang masuk ke Malaysia (Noorah 2011, 2010). Perlis merupakan antara negeri yang jauh ketinggalan dari segi aliran masuk pelaburan dalam sektor pembuatan di negara ini dan juga di NCER.

Pola pelaburan di NCER bagi tempoh 2006 sehingga Mei 2012 menunjukkan bahawa 62.7% merupakan pelaburan asing. Pola pelaburan mengikut jenis pelaburan (asing dan domestik) ditunjukkan dalam Rajah 1. Jelas dapat dilihat bahawa terdapat kejatuhan yang besar dalam pelaburan pada tahun 2009 akibat daripada krisis kewangan global yang berlaku. Kemelesetan ekonomi melanda beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan Jepun yang merupakan pelabur utama di negara ini. Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tempoh tersebut juga mencatatkan penguncupan sebanyak 1.7% disebabkan kejatuhan yang ketara dalam sektor pembuatan yang mengalami penyusutan sebanyak 14.8% (lapan bulan pertama 2009) kesan daripada kemerosotan mendadak industri berorientasikan eksport dan domestik. Industri berorientasikan eksport merosot 19.0% dengan penguncupan ketara dalam industri BEE, mesin dan peralatan (M & E) serta produk kayu (Kementerian Kewangan Malaysia 2009). Jika ditinjau aliran masuk pelaburan mengikut negeri dalam NCER yang ditunjukkan dalam Rajah 2, Pulau Pinang ternyata merekodkan aliran masuk pelaburan asing yang lebih tinggi berbanding dengan Kedah dan Perlis. Walaupun terdapat kejatuhan dalam aliran masuk pelaburan asing pada tahun 2009, namun dalam fasa pertama pembangunan NCER (2005-2012), Pulau Pinang masih mencatatkan aliran masuk pelaburan asing yang tinggi berbanding dengan tempoh sebelum pelancaran NCER (1999-2005). Sementara Kedah menunjukkan sedikit kejatuhan dalam aliran masuk pelaburan bagi tempoh masa yang sama. Perlis pula ternyata masih tidak berjaya meningkatkan aliran masuk pelaburan bagi tempoh fasa pertama NCER. Bagi tempoh fasa pertama NCER, Pulau Pinang mencatatkan aliran masuk pelaburan sebanyak RM 44,932.1 juta atau 55.2%



RAJAH 1. Pelaburan di NCER dalam Fasa Pertama (2006-2012)

Sumber: Norain & Noorah 2012; Data Statistik Pelaburan MIDA (pers.comm.)



RAJAH 2. Pelaburan di NCER Mengikut Negeri, 1999 – Mei 2012

Sumber: Norain & Noorah 2012; Data Statistik Pelaburan MIDA (pers.comm.)


daripada keseluruhan aliran masuk pelaburan ke NCER berbanding 44.4% oleh Kedah dan Perlis hanya 0.4%.

Ternyata pelaburan asing masih mengemari Pulau Pinang sebagai lokasi pelaburan kerana 62.5% daripada pelaburan asing memilih Pulau Pinang sementara 37.3% Kedah dan hanya 0.3% Perlis. Didapati bahawa sasaran aliran masuk pelaburan sebanyak RM 24.3 bilion menjelang tahun 2012 ternyata tidak tercapai kerana aliran pelaburan masuk banyak dipengaruhi oleh iklim ekonomi global. Ini adalah jelas khususnya aliran masuk pelaburan asing. Oleh yang demikian, walaupun NCER dirancang dengan pelbagai daya tarikan bersifat ruangan dan bukan ruangan namun pergantungan terhadap pelaburan asing boleh menyebabkan sasaran pembangunan yang dirancang kemungkinan sukar dicapai dalam tempoh yang ditentukan. Ini adalah kerana aliran dan mobiliti modal asing ini sukar dikawal selain daripada wujudnya banyak negara lain yang mula menjadi pesaing dalam menarik aliran modal asing sedangkan pada masa yang sama, aliran masuk modal domestik tidak menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan selepas tahun 2009 (Rajah 1).

Sekiranya ditinjau pelaburan mengikut sektor sub-sektor industri jelas dilihat sebahagian besar pelaburan tertumpu dalam sub-sektor BEE (Rajah 3) dan diikuti oleh sub-sektor produk petroleum. Namun pelaburan asing jelas mendominasi sub-sektor BEE berbanding pelaburan domestik yang lebih tinggi didapati dalam sub-sektor


produk petroleum. Sementara sub-sektor industri yang lain nampaknya tidak menjadi tumpuan pelaburan asing. Ini menjelaskan pergantungan yang tinggi terhadap sub-sektor BEE dan pelaburan asing dalam pembangunan industri di wilayah ini. Didapati 76% daripada pelaburan dalam BEE adalah pelaburan asing. Pola pelaburan mengikut sub-sektor industri jelas mempamerkan dominasi Pulau Pinang dalam sub-sektor BEE. Sementara Kedah melalui Taman Teknologi Tinggi Kulim telah memainkan peranan penting dalam menarik aliran masuk

pelaburan ke negeri ini (Rajah 4 & 5). Bagi pelaburan dalam produk petroleum, hasil penelitian yang dibuat daripada data yang diperoleh daripada MIDA mendapati bahawa pelaburan yang tinggi dalam sub-sektor tersebut di Kedah adalah melibatkan pelaburan di ZIPY (Zon Industri Petroleum Yan) yang pada masa ini masih belum diketahui status pembangunannya. Oleh yang demikian, untuk memasukkan data pelaburan tersebut sebagai satu daripada progress NCER dalam menggalakkan industri minyak dan gas masih tidak boleh diterima.




RAJAH 3. Pelaburan di NCER Mengikut Sub-sektor Industri, 2006 – Mei 2012

Sumber: Norain & Nooriah 2012; Data Statistik Pelaburan MIDA (pers.comm.)



RAJAH 4. Pelaburan di NCER Mengikut Sub-sektor Industri dan Negeri, 2006 – Mei 2012


Sumber: Norain & Nooriah 2012; Data Statistik Pelaburan MIDA (pers.comm.)



RAJAH 5. Pelaburan Domestik dan Pelaburan Asing Mengikut Lokasi Industri di Negeri Kedah, 1990 – Mei 2012

Sumber: Norain & Nooriah 2012; Data Statistik Pelaburan MIDA (pers.comm)

Amerika Syarikat merupakan pelabur utama kepada pelaburan asing yang masuk ke NCER iaitu sebanyak 33.6% dan diikuti oleh Jepun (30.1%). Kedua-dua negara ini sememangnya merupakan pesaing tradisional dalam industri BEE dan merupakan pelabur yang telah memainkan peranan penting dalam pembangunan industri BEE di Malaysia amnya dan Pulau Pinang khususnya. Rajah 6 menunjukkan beberapa pelabur utama yang melabur di NCER bagi tempoh 2006 sehingga Mei 2012. Negara Perindustrian Baru Asia iaitu Taiwan dan Singapura hanya mencatatkan pelaburan tidak melebihi 3%. Sementara pelaburan oleh Iran hanya melibatkan satu projek pelaburan yang diluluskan pada tahun 2007 yang melibatkan pelaburan berjumlah RM 2,968.5 juta. Bagi tempoh 2006-Mei 2012, sebanyak 76 projek pembuatan daripada Amerika Syarikat telah diluluskan berbanding 96 projek pembuatan Jepun.



RAJAH 6. Pelabur Asing Utama di NCER, 2006 – Mei 2012

Sumber: Norain & Nooriah 2012; Data Statistik Pelaburan MIDA (pers.comm.)


Daripada analisis data pelaburan di NCER, beberapa rumusan dapat dibuat. Pelaburan asing ternyata memainkan peranan penting dalam pembangunan industri di NCER, namun kepentingan mengikut negeri masih memperlihatkan dominasi Pulau Pinang kekal tinggi. Sebahagian besar pelaburan asing masih tertumpu di negeri ini berbanding lebih tersebar ke negeri lain di NCER. Selain itu, tumpuan pelaburan dalam sektor pembuatan juga menunjukkan pola konsentrasi yang sangat tinggi dalam sub-sektor industri BEE berbanding dengan sub-sektor industri yang lain. Ini menunjukkan pola pembangunan sejak awal industrialisasi yang menunjukkan pergantungan yang tinggi terhadap sub-sektor ini masih jelas sehingga kini. Rajah 3 menunjukkan dengan jelas dominasi pelaburan asing dalam sub-sektor industri BEE dan pergantungan yang tinggi ini boleh menimbulkan banyak implikasi dari segi keupayaan untuk mencapai sasaran pembangunan NCER khususnya dalam meningkatkan gred dan rantai dalam industri ini serta pembangunan ruang yang lebih seimbang antara negeri di wilayah utara ini. Namun demikian, sekiranya modal pelaburan domestik dan keupayaan industri tempatan dapat dibangunkan, kemungkinan ianya dapat saling melengkapi dan mengatasi kelemahan yang wujud akibat daripada aktiviti syarikat asing ini. Walaupun begitu, didapati peranan pelaburan domestik dalam sektor perindustrian pembuatan ternyata menunjukkan kejatuhan yang konsisten sejak NCER dilancarkan berbanding dengan peningkatan dalam pelaburan asing selain daripada nilai pelaburan domestik yang kecil (Rajah 3).

Aktiviti pembuatan ini bukan sahaja tidak tersebar secara samarata dalam kalangan negeri-negeri di NCER tetapi juga menunjukkan transformasi yang perlahan ke arah aktiviti nilai ditambah tinggi. Walaupun Pulau Pinang telah lama menjadi tapak kepada aktiviti pembuatan khususnya industri BEE namun sebahagian besarnya masih dalam aktiviti pemasangan dan pengeluaran. Ini adalah jelas kerana tidak kurang daripada 70 peratus guna tenaga dalam industri pembuatan di negeri ini adalah dalam kategori pekerja operator pengeluaran (Nooriah 2006). Ini menyebabkan potensi sektor pembuatan sebagai pemacu utama pembangunan di NCER mungkin kurang berkesan bagi merangsang pembangunan di kawasan pinggir dan luar bandar. Oleh itu, potensi pembangunan aktiviti ekonomi lain yang disasarkan di bawah pelan pembangunan NCER seperti pertanian, perkhidmatan dan pelancongan perlu diterokai dan digalakkan di wilayah pinggir ini.

#### PENILAIAN PERANAN PELABURAN ASING TERHADAP PEMBANGUNAN SEIMBANG DI NCER

Analisis data pelaburan yang telah dibincangkan sebelum ini menunjukkan dengan jelas peranan pelaburan asing dalam pembangunan industri di NCER. Malahan pada peringkat negara juga menunjukkan peranan penting modal asing ini dalam pembangunan sektor industri di negara ini. Kebanyakan syarikat pembuatan besar dan utama di negara ini dimiliki dan dikuasai oleh pelabur asing. Ini adalah jelas kerana sebahagian besar pelaburan asing yang masuk ke negara ini membabitkan pelaburan milikan sepenuhnya asing (Rajah 7). Didapati juga majoriti pelaburan milikan asing sepenuhnya ini adalah


dalam sub-sektor industri BEE (Rajah 8). Jika ditinjau dari segi taburan ruangan pelaburan milikan asing sepenuhnya ini didapati ia tertumpu di beberapa negeri sahaja iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Johor (Rajah 9). Ini menunjukkan bahawa di wilayah utara (khususnya di NCER) ternyata Pulau Pinang telah membina reputasi yang tinggi sebagai hub pelaburan yang digemari oleh pelabur asing. Dalam kalangan negeri di NCER ternyata hanya Pulau Pinang sahaja yang memiliki Zon Perindustrian Bebas (FIZ) yang menjadi lokasi yang digemari oleh pelabur asing untuk menempatkan loji pengeluaran mereka. Pulau Pinang merupakan antara negeri di Malaysia yang memiliki bilangan FIZ yang paling banyak dan hampir keseluruhannya telah habis dijual. Selain itu, kawasan perindustrian di Pulau Pinang juga merupakan kawasan perindustrian yang tertua di Malaysia dan ini merupakan satu kelebihan Pulau Pinang dari segi wujudnya pengkelompokan industri yang telah matang selain daripada infrastruktur yang telah kukuh dan kesediaan sumber buruh yang berkemahiran yang menjadi daya tarikan kepada negeri ini kepada pelabur asing. Namun demikian, didapati bahawa majoriti pelaburan dalam sektor perindustrian di negara ini didominasi dan dikuasai oleh syarikat milikan asing sepenuhnya berbanding dengan pelaburan yang melibatkan kerjasama tempatan-asing. Ini boleh memberi kesan terhadap limpahan dan perkongsian teknologi dan kepakaran terhadap persekitaran tempatan. Fenomena sedemikian adalah kerana melalui kerjasama strategik antara syarikat asing dan tempatan dapat menjadi platform penting kepada pembangunan industri dan keusahawanan tempatan, selain dapat mengurangkan pergantungan terhadap aktiviti syarikat asing serta membangunkan jenama tempatan dalam aktiviti pembuatan dalam jangka masa panjang.



RAJAH 7. Pelaburan dalam Sektor Perindustrian Pembuatan Mengikut Hak Milik di Malaysia, 1980–2007


Sumber: Nooriah 2012





RAJAH 8. Pelaburan Hak Milik Sepenuhnya Asing Mengikut Sub-sektor Industri di Malaysia, 1997–2007

Sumber: Nooriah 2012



RAJAH 9: Pelaburan Hak Milik Sepenuhnya Asing Mengikut Negeri di Malaysia, 1997- 2008

Sumber: Nooriah 2012

Pelaburan asing yang tinggi dalam sektor industri BEE jelas mempamerkan beberapa kelemahan yang boleh mempengaruhi pencapaian objektif pembangunan yang digariskan oleh kerajaan. Menurut Ernst (2003) sektor industri BEE dikatakan kurang berjaya dalam berperanan untuk meningkatkan gred industri di negara ini. Pergantungan yang tinggi terhadap keupayaan teknologi asing turut membawa implikasi yang kurang memuaskan terhadap kesan limpahan kepada syarikat tempatan. Walaupun ruang tempatan melalui aktiviti syarikat asing telah diintegrasikan kepada rangkaian pengeluaran global (RPG) namun ia telah membawa kepada struktur pembangunan industri yang tidak simetri

yang mempamerkan pelbagai lapisan firma elektronik yang dibezakan oleh kawalan yang tidak sama rata terhadap sumber dan pembuatan keputusan (Ernst 2003). Sektor industri elektronik di Malaysia terus dipengaruhi oleh keputusan strategik oleh *global flagship* (syarikat asing utama yang menaungi industri tersebut). Walaupun pelaburan asing telah membawa banyak transformasi kepada pembangunan industri di negeri ini namun dominasi asing dari segi teknologi dan pengetahuan masih tinggi dan tidak banyak limpahan positif yang berlaku kepada syarikat tempatan dalam membangunkan firma-firma tempatan. Malahan kehadiran syarikat-syarikat pembuatan kontrak (*contract manufacturers*) Amerika

Syarikat juga mewujudkan peluang peningkatan gred yang terbatas untuk melonjak negara ini kepada aktiviti yang lebih berintensifkan pengetahuan (Ernst 2003). Hal ini kerana aktiviti seperti reka bentuk masih dikekalkan dan tertumpu di Amerika Syarikat dan Eropah. Menurut Rasiah dan Best (2003), walaupun sektor BEE telah berkembang selama lebih tiga dekad namun sektor ini masih memperlihatkan kekurangan dari segi aktiviti inovasi, tahap perbezaan dan pembahagian buruh yang masih rendah, kekurangan integrasi mendatar (horizontal) dan kekurangan keupayaan untuk pengkhususan yang lebih tinggi.

Menurut Stallings (2007), walaupun PLA membawa faedah yang banyak namun ianya juga disertai oleh beberapa kesan negatif. Antara kesan negatif ialah meningkatnya ketidakseimbangan pembangunan di dalam dan di antara negara akibat daripada konsentrasi pelaburan di kawasan tertentu. Peningkatan ketidakseimbangan ini bukan sahaja membawa kepada pembaziran sumber tetapi juga meningkatkan ketidakstabilan dan seterusnya jurang pembangunan antara kawasan. Selain daripada itu, walaupun PLA dianggap kurang bergerak namun ciri mobiliti (*volatility*) masih boleh berlaku apabila peluang untuk aliran modal merentasi sempadan ke mana-mana arah semakin meningkat. Isu yang mula mendapat

perhatian ialah keupayaan modal untuk bergerak masuk dan keluar sesebuah negara dengan cepat dan ini memberi kesan terhadap pihak pemerintah untuk mengurus polisi makroekonomi dalam menghadapi perubahan yang berlaku ini. Polisi yang diwujudkan bukan sahaja perlu menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pelabur asing tetapi juga membawa kesan yang positif terhadap pembangunan ekonomi dan pekerjaan kepada negara.

Konsentrasi pelaburan asing dan pembangunan industri dalam kalangan negeri di Malaysia amnya dan NCER khususnya turut mempengaruhi sumbangan sektor pembuatan di negeri-negeri ini kepada ekonomi Malaysia. Oleh yang demikian, dapat dilihat dalam Jadual 2 sumbangan sektor ekonomi mengikut negeri kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, ternyata sumbangan sektor pembuatan di Perlis adalah sangat kecil berbanding dengan Pulau Pinang (15.6%) dan Kedah (4.0%). Namun demikian, didapati bahawa pendapatan per kapita Perlis agak tinggi sedikit berbanding dengan Kedah. Jurang yang besar dapat dilihat antara Pulau Pinang dengan Kedah dan juga Perlis (Rajah 9). Ini menunjukkan bahawa walaupun dari segi pelaburan dalam sektor pembuatan di Kedah agak tinggi namun sumbangan sektor ini dari segi meningkatkan pendapatan per kapita negeri masih agak rendah.


JADUAL 2. Sumbangan Sektor Ekonomi Mengikut Negeri kepada KDNK Malaysia, 2010 (%)

Negeri	Pertanian	Perlombongan	Pembuatan dan Pengkuarian	Pembinaan	Perkhidmatan	Jumlah
Johor	14.1	0.2	12.3	10.8	8.6	9.5
Kedah	4.6	0.1	4.0	3.1	3.3	3.3
Kelantan	4.8	0.0	0.3	1.0	2.4	1.8
Melaka	2.5	0.0	4.6	2.8	2.3	2.7
Negeri Sembilan	3.4	0.1	6.9	3.2	2.8	3.7
Pahang	10.3	0.1	4.6	3.6	4.3	4.4
Pulau Pinang	2.5	0.0	15.6	4.7	6.9	8.3
Perak	10.1	0.2	3.8	3.5	6.4	5.4
Perlis	2.0	0.0	0.2	0.4	0.6	0.5
Selangor	5.2	0.4	30.0	36.8	23.5	23.0
Terengganu	2.8	0.1	3.0	3.6	2.8	2.6
Sabah	17.9	13.6	1.7	2.8	5.1	5.6
Sarawak	19.6	23.5	9.2	7.3	6.0	9.1
WP Kuala Lumpur	0.1	0.1	3.5	16.6	24.4	15.2
WP Labuan	0.3	-	0.3	0.1	0.6	0.4
Supra	-	61.5	-	-	-	4.3
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan (atas talian)

Selain daripada kesan terhadap ekonomi didapati juga kehadiran pelaburan asing tidak menyebarkan manfaat ekonomi kepada semua negeri di negara ini. Pola pelaburan yang bersifat selektif terhadap beberapa negeri sahaja di negara ini telah menyebabkan hanya negeri-negeri tersebut sahaja yang mengalami kadar industrialisasi yang pesat terutamanya di Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Walaupun demikian, tidak dinafikan

bahawa kesan limpahan ke kawasan pinggir (seperti Kedah, Melaka & Negeri Sembilan) turut berlaku apabila kawasan pusat mula mengalami beberapa kekangan infrastruktur dan masalah kekurangan sumber buruh yang kritikal dalam tempoh awal tahun 1990-an. Namun masih terdapat negeri-negeri yang ketinggalan jauh seperti Perlis dan Kelantan yang kurang berjaya menarik PLA walaupun telah lebih daripada tiga dekad kehadiran



RAJAH 9: KDNK Per Kapita bagi Negeri di NCER bagi Tahun 2005-2010

Sumber: Ubah Suai Data daripada Perangkaan Ekonomi Malaysia Siri Masa 2011

pelaburan asing di negara ini. Cabaran yang penting ialah untuk mewujudkan pembangunan wilayah yang lebih seimbang melalui proses industrialisasi dan nampaknya PLA tidak memainkan peranan yang signifikan dalam usaha membangunkan industri di kawasan pinggir. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan namun daya tarikan kawasan pinggir masih kurang berjaya menarik pelabur asing untuk menempatkan aktiviti mereka di kawasan tersebut. Jadual 3 menunjukkan kadar perbandaran di Malaysia yang menyaksikan di

Wilayah Utara, Kedah dan Perlis masih mencatatkan kadar perbandaran kurang daripada 50% pada tahun 2010, sementara Pulau Pinang mencatatkan kadar perbandaran 80 peratus. Jurang pembangunan yang agak ketara ini memperlihatkan bahawa usaha menjadikan sektor industri BEE sebagai katalis untuk pembangunan di kawasan pinggir masih kurang berjaya kerana sektor industri ini jelas menunjukkan diskriminasi ruang dari segi pemilihan lokasi untuk aktiviti pengeluarannya.

JADUAL 3. Kadar Perbandaran Mengikut Negeri di Malaysia (%)

Negeri	Kadar Perbandaran				
	1980	1990	2000	2005	2010
Wilayah Utara					
Kedah	14.5	16.0	39.1	39.8	40.3
Perak	32.5	33.6	59.1	59.3	59.3
Perlis	8.9	11.2	34.0	35.1	35.9
Pulau Pinang	47.5	60.4	79.7	79.8	80.0
Wilayah Tengah					
Melaka	23.5	23.1	67.5	70.6	73.4
Negeri Sembilan	32.7	42.1	54.9	56.3	57.4
Selangor	34.5	55.3	87.7	88.4	89.1
W.P. Kuala Lumpur	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Wilayah Timur					
Kelantan	27.9	32.2	33.5	33.4	33.3
Pahang	26.4	24.6	42.0	43.5	44.6
Terengganu	43.0	51.1	49.4	49.8	50.3
Wilayah Selatan					
Johor	35.5	43.7	64.8	66.5	67.7
Sabah	20.0	25.6	48.1	49.8	51.6
Sarawak	17.6	20.9	48.1	49.5	50.6
MALAYSIA	34.2	40.7	62.0	63.0	63.8


Sumber: Malaysia 1993; Malaysia 2006

Pelaburan antarabangsa berupaya untuk menyumbang secara positif dan juga negatif terhadap pembangunan di sesebuah negara asing yang lain dan ini merupakan isu yang kritikal dalam era globalisasi ekonomi. Harus diingati bahawa pelaburan oleh syarikat asing banyak didorong oleh strategi untuk mencari keuntungan dan lokasi yang dapat memberi pulangan yang tinggi akan menjadi pilihan. Selain itu pergantungan yang tinggi terhadap pelaburan asing juga akan menyebabkan ekonomi sesebuah negeri/negara menjadi semakin rapuh apabila berlakunya penutupan kilang/loji pengeluaran akibat daripada krisis ekonomi. Apatah lagi pergantungan yang tinggi terhadap sub-sektor industri yang sangat terhad yang mendominasi sebahagian besar daripada pelaburan asing. Pergantungan kepada pelaburan asing dan sub-sektor industri yang terhad kepada industri BEE turut membawa beberapa implikasi terhadap pembangunan industri di negara ini. Apabila berlakunya krisis kewangan dan penguncupan ekonomi global pada tahun 2009, ekonomi Malaysia turut mengalami penguncupan disebabkan oleh kejatuhan dalam sumbangan sektor pembuatan. Kesan daripada penguncupan ini jelas kelihatan di negeri-negeri yang sangat bergantung kepada modal asing dan aktiviti syarikat multinasional asing dalam pembangunan industri. Didapati Pulau Pinang mencatatkan kadar penguncupan KDNK yang tertinggi iaitu -10.8% akibat daripada kejatuhan yang ketara sektor pembuatan (-20.2%), dan diikuti oleh Johor -4.2%. Sumbangan sektor pembuatan di Pulau Pinang mengalami kejatuhan kepada 47.7% pada tahun 2009 berbanding 54.0% pada tahun 2008. Kejatuhan ini banyak disumbangkan oleh kejatuhan dalam segmen industri BEE (Jabatan Perangkaan Malaysia 2009). Situasi ini menunjukkan pergantungan kepada PLA sangat dipengaruhi oleh iklim ekonomi global dan sukar dikawal. Kitaran turun-naik dalam PLA turut memberi kesan terhadap aktiviti syarikat asing di negara ini apabila penguncupan aktiviti pengeluaran semasa krisis yang menyebabkan ramai pekerja industri dibuang pekerjaan. Dalam aspek ini dapat dilihat bahawa pergantungan terhadap PLA dalam memastikan kelangsungan momentum pertumbuhan ekonomi dan pembangunan perlu dinilai semula khususnya dalam memastikan pembangunan dalam jangka masa panjang seperti yang dirancang di bawah NCER.

Cabaran dalam era globalisasi bukan sahaja untuk menggalakkan pelaburan dan kepelbagaian pelaburan di negara ini tetapi juga untuk menggalakkan pelaburan yang dapat memberi kesan positif terhadap matlamat polisi awam seperti kewujudan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi, penambahbaikan alam sekitar dan pembasmian kemiskinan. Melalui pelaburan antarabangsa, pelabur mendapat akses ke negara asing lain dari segi hak milik (*ownership*) harta, hak untuk mengupah dan memecat pekerja, penggunaan sumber semula jadi sehinggalah kepada pelepasan bahan buangan kepada alam sekitar.

Oleh itu pendekatan polisi yang liberal oleh kerajaan terhadap aktiviti syarikat asing perlu mengambil kira bukan sahaja dari aspek ekonomi tetapi juga perubahan yang mungkin berlaku dari segi alam sekitar, sosial dan juga budaya. Dalam usaha menggalakkan pembangunan yang lestari, perkara yang penting ialah bagaimana untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang lestari bagi memastikan kelangsungan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu strategi, langkah dan peranan institusi yang mentadbir aliran pelaburan antarabangsa perlu dipertingkatkan agar dapat membantu menarik pelaburan yang boleh menggalakkan pembangunan yang lestari dan pencapaian objektif pembangunan nasional seperti yang diingini.

Selain daripada itu, didapati taburan pekerjaan dalam sektor pembuatan juga menunjukkan bahawa 59.4% daripada pekerja pembuatan tertumpu di negeri Pulau Pinang berbanding dengan 38.7% di Kedah dan 1.9% di Perlis. Perkembangan sektor pembuatan di Pulau Pinang turut digambarkan dengan proses perbandaran yang pesat berlaku di negeri ini kerana majoriti pekerja pembuatan wujud di kawasan bandar iaitu tidak kurang daripada 83%. Sementara di Kedah, walaupun aliran masuk pelaburan agak tinggi namun didapati bilangan pekerja pembuatan di kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding kawasan bandar (Rajah 10). Di Perlis pula hampir 64% pekerja pembuatan adalah di kawasan luar bandar. Ini menunjukkan bahawa wujud jurang yang agak besar dari segi bilangan pekerja dalam sektor pembuatan dan pola guna tenaga pembuatan antara negeri-negeri di NCER. Adakah kerana kebanyakan pekerjaan pembuatan di Kedah dan Perlis dijana oleh aktiviti pembuatan di kawasan luar bandar menjelaskan tahap pembangunan yang kurang memberangsangkan dari segi ekonomi dan perbandaran di kedua-dua negeri ini? Ini adalah kerana kebanyakan pelaburan asing lebih cenderung memilih kawasan industri yang maju sementara kawasan luar bandar didominasi oleh aktiviti pembuatan berskala kecil dan bernilai rendah. Kajian lanjutan berkaitan dengan isu ini perlu diberikan perhatian dalam melihat sejauh mana impak pembangunan yang dapat dicetuskan oleh projek-projek pembangunan yang dijalankan di negeri-negeri di NCER ini. Dalam usaha untuk membawa kepada pembangunan yang lebih seimbang, perhatian yang tinggi perlu diberikan terhadap mengenal pasti kekurangan kawasan pinggir dalam menarik aliran masuk pelaburan dalam aktiviti pembuatan atau menarik aktiviti ekonomi yang lain yang mampu memberi impak yang besar dari segi ekonomi dan pekerjaan kepada kawasan pinggir ini. Ini adalah kerana projek-projek yang dilaksanakan di kawasan luar bandar (pinggir) khususnya dalam sektor pertanian atau pelancongan, kurang berjaya dari segi menghasilkan impak yang besar terhadap pembangunan kawasan luar bandar berbanding dengan impak yang dibawa oleh aktiviti pembuatan yang berorientasikan eksport.



RAJAH 10. Bilangan Penduduk Bekerja dalam Industri Pembuatan Mengikut Strata bagi Negeri di NCER, 2010

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2011 Laporan Penyiantasan Tenaga Buruh Malaysia 2010

## KESIMPULAN

Perbincangan yang telah dijalankan menunjukkan dengan jelas beberapa kelemahan dalam sektor industri BEE sebagai katalis kepada pembangunan kawasan di negara ini khususnya untuk menjana pembangunan di kawasan pinggir (kurang membangun). Walaupun Pulau Pinang mempamerkan tahap pembangunan ekonomi (khususnya industri pembuatan) dan perbandaran yang tinggi namun negeri ini juga masih menunjukkan beberapa kelemahan dari segi gred industri yang masih rendah dan kadar pekerja dalam pekerjaan bernilai tinggi yang masih mencatatkan peratusan yang agak rendah berbanding pekerja pengeluaran/pemasangan. Pelaburan Langsung Asing tidak dinafikan dapat memainkan peranan penting dalam pembangunan industri di negara ini namun berdasarkan kepada data pelaburan didapati pelaburan asing ini mempamerkan pola taburan ruangan yang tidak sama rata. Kebanyakan pelaburan lebih menggemari kawasan bandar yang telah maju berbanding dengan kawasan pinggir. Sekiranya pelaburan asing menunjukkan diskriminasi dari segi ruangan, maka usaha untuk menjadikan pelaburan asing ini sebagai katalis untuk mencapai objektif pembangunan yang lebih seimbang agak sukar untuk dicapai. Dalam konteks ini adakah pelaburan domestik berupaya untuk membangunkan industri yang lebih berdaya saing untuk melengkapkan kekurangan di kawasan luar bandar? Sejauh mana punca-punca ekonomi selain daripada sektor industri pembuatan dapat digalakkan dan dibangunkan di kawasan pinggir dalam usaha untuk membangunkan kawasan tersebut? Semua persoalan ini perlu diberikan perhatian dan kajian-kajian empirikal perlu dilaksanakan agar prestasi pembangunan di NCER dapat dinilai dan seterusnya ditambah baik.

## PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Jangka Pendek USM bertajuk '*Analisis Pola Ruangan dan Trend Pelaburan Langsung Asing dalam Sektor Perindustrian Pembuatan di Malaysia* [304/PHUMANITI/638099] dan Geran Universiti Penyelidikan (RU-USM) bertajuk '*The Prospect and Challenges of Knowledge Intensive Services in the Northern Corridor Economic Region (NCER): A Model towards Sustaining Economic Growth* [1001/PHUMANITI/816186].

## NOTA

Data Statistik Pelaburan MIDA (pers.comm.) yang dinyatakan pada sumber rajah (graf) dan jadual adalah kerana ianya merupakan data yang diperolehi melalui permintaan khusus penyelidik kepada pihak MIDA. Oleh yang demikian, tiada sumber rujukan dinyatakan kerana data tersebut tidak diterbitkan dalam mana-mana sumber.

## RUJUKAN

- Anuwar Ali dan Rasiah, Rajah. 1996. *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dieter, E. 2003. *How Sustainable are Benefits from Global Production Networks? Malaysia's Upgrading Prospects in the Electronics Industry*. East-West Center Working Paper. Economic Series. No. 5. June 2003.
- Florida, R. 1996. Regional Creative Destruction: Production Organization, Globalization and the Economic Transformation of Midwest. *Economic Geography* 72: 314-34
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. Key Findings: Gross Domestic Products (GDP) by State, 2009. [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=section&id=20&Itemid=153&lang=en](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=section&id=20&Itemid=153&lang=en). Tarikh capaian: 2 November 2012.



- \_\_\_\_\_. 2011. *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2010*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2012. *Perangkaan Ekonomi Malaysia Siri Masa 2011*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Keith, H., Ries, J. & Swenson, D. 1995. Agglomeration Benefits and Location Choice: Evidence from Japanese Manufacturing Investments in the United States. *Journal of International Economics* 38(3-4): 223-247
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2009. *Laporan Ekonomi 2009/2010*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Malaysia. 1993. *Mid-term Review of the Sixth Malaysian Plan, 1991-1995*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- \_\_\_\_\_. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- NCER. 2007. Northern Corridor Economic Region: Socio-economic Blueprint. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Koridor Pembangunan Negara, 15 Disember, Universiti Sains Malaysia.
- Noorah Yusof. 2006. Kualiti Buruh dan Kelebihan Daya Saing Zon Perindustrian Bayan Lepas, Pulau Pinang: Kajian Kes Sektor Industri Barangan Elektrik dan Elektronik. Tesis Ph.D. (tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2010. Pelaburan Langsung Asing dalam Sektor Perindustrian Pembuatan di Malaysia: Pola Taburan Ruang dan Implikasi Pembangunan. Dlm. *Proceeding Malaysia-Indonesia International Conference on Economic, Management and Accounting 2010: Regional Development in an Era of Global Innovation Economy*, disunting oleh Ruzita Abdul Rahim, Nor Liza Abdullah, Nor Asiah Omar, Zaleha Abdul Shukor, Siti Hajar Mohd Idris, Noradiva Hamzah dan Che Aniza Che Wel. Bangi: Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM.
- \_\_\_\_\_. 2011. Pelaburan Langsung Asing dan Pembangunan Industri Barangan Elektrik dan Elektronik di Negeri Pulau Pinang, 1970-2007. *Jurnal Kemanusiaan* 18(2): 43-74.
- \_\_\_\_\_. 2011. Pelaburan Langsung Asing dan Pembangunan Sektor Industri Barangan Elektrik dan Elektronik di Pulau Pinang. *Kemanusiaan* 18(2): 43-74.
- \_\_\_\_\_. 2012. Impak Polisi Ekuiti Liberal terhadap Pola Hak Milik Pelaburan dalam Sektor Perindustrian Pembuatan di Malaysia. *Kajian Malaysia* 30(2): 95-120.
- Noorah Yusof dan Tarmiji Masron. 2009. Pelaburan Langsung Asing dan Transformasi Landskap Ekonomi di Malaysia. *KINABALU (Jurnal Perniagaan dan Sains Sosial)* 15: 1-28.
- Norain Mat Lazim & Noorah Yusof. 2012. Pelaburan Langsung Asing di Kedah dan Daya Tarikan Taman Teknologi Tinggi Kulim. *Akademika* 82(1): 31-48.
- Paulinek, P. 2004. Regional Development Implication of Foreign Direct Investment in Central Europe. *European Urban and Regional Studies* 11(1): 47-70.
- Ranjan, V. & Agrawal, G. 2011. FDI Inflow Determinants in BRIC Countries: A Panel Data Analysis. *International Business Research* 4(4): 225-263.
- Rasiah, R. & Best, M. 2003. *Malaysian Electronics at the Crossroads*. Kertas Kerja Teknikal, Vienna: UNIDO.
- Sales, E., Lichtenwalter, S. & Fevola, A. 2006. Secondary analysis in social work research education: Past, present and future promise. *Journal of Social Work Education* 42(3): 543-562.
- Schneider, P. H. 2005. International trade, economic growth and intellectual property rights: a panel data study of developed and developing countries. *Journal of Development Economics* 78(2): 529-547.
- Stallings, B. 2007. The globalization of capital flow: Who benefits? *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science* 610: 201-216.
- Tyler, T. Y. & Miranda, M. Z. 2007. Multivariate analysis of foreign direct investment in China. *Journal of Applied Business Research* 23(2): 21-30.
- UNCTAD. 2001. *World Investment Report 2001: Promoting Linkages*. New York & Geneva: United Nations.
- Noorah Yusof (corresponding author)  
Bahagian Geografi  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800, Minden Pulau Pinang, Malaysia  
E-mail: noorah@usm.my
- Norain Mat Lazim  
Bahagian Geografi  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800, Minden Pulau Pinang, Malaysia  
E-mail: ain87\_ml@yahoo.com
- Sharifah Rohayah Sheikh Dawood, Ph.D  
Bahagian Geografi  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
11800, Minden Pulau Pinang, Malaysia  
E-mail: sdawood@usm.my

Received: 14 March 2013

Accepted: 17 July 2013